

# **Interaksi Muslim dan Bukan Muslim di Korea dalam Program Assalamualaikum Seoul An Inter-Ideology Journey 2017 (ASEOUL) Menurut Perspektif Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK) dan Ikatan Keluarga Muslim Indonesia-Korea (IKMI)**

**Interaction Between Muslim And Non Muslim In Korea Through Assalamualaikum Seoul ! An Inter-Ideology 2017 (Aseoul) Programme Under The Perspective Of Generasi Mahasiswa Islam Korea (Gmik) And Ikatan Keluarga Muslim Indonesia-Korea (Ikmi)**

Nur Solehah  
Nur Farhana Abdul Rahman  
Jaffary Awang  
Ahmad Sunawari Long

Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Jaffary Awang (jaffary@ukm.edu.my)

## **ABSTRAK**

*Artikel ini memfokuskan hubungan dan interaksi yang berlaku di antara masyarakat Muslim dan bukan Muslim di Seoul, Korea menurut pandangan dan perspektif daripada dua persatuan Islam di Korea yang dikenali sebagai Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK) dan Ikatan Keluarga Muslim-Indonesia (IKMI). Korea merupakan sebuah negara yang masyarakatnya terdiri daripada berbilang agama seperti Buddha, Hindu, Kristian dan ada juga sebahagian daripada mereka berpendirian Atheism. Pendekatan temubual dan perbincangan focus group telah digunakan melalui sebuah program mobiliti tanpa kredit yang dianjurkan oleh Kelab Usuluddin dan Falsafah UKM (KUFAH) iaitu Assalamualaikum Seoul ! An Inter-Ideology Journey 2017 (ASEOUL 2017). Kajian mendapati bahawa Korea sebuah negara bukan Islam, maka mempraktikkan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dibumi Korea bukanlah suatu perkara yang mudah. Namun Masyarakat Korea bebas mengamalkan agama masing-masing dan juga bebas untuk menyeru dan menyampaikan agama yang dianuti kepada orang lain secara terbuka. Malah melalui kunjungan ilmiah ke tempat-tempat ibadah kepercayaan tradisi di Korea, terbukti menujukkan bahawa interaksi Muslim dan bukan Muslim berlaku dengan luas dan mereka bersedia untuk saling mengenali dan memahami dengan lebih dekat lagi antara satu sama lain.*

*Kata Kunci : Interaksi, Muslim, Bukan Muslim, GMIK, IKMI*

## **ABSTRACT**

*This article is focusing on the relationship and interaction between Muslim and Non Muslim in Seoul, Korea under the perspective of two Muslim's Association in Korea known as Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK) and Ikatan Keluarga Muslim-Indonesia (IKMI). Korea widely known as a multi-religion country such as Buddha, Hindu, Christian but still most of them are atheist. Focus Group Discussion and Interview approach were used in this research through a non-*

*credit mobility programme organized by UKM Theology and Philosophy Club (KUFAH) which is Assalamualaikum Seoul ! An Inter-Ideology Journey 2017 (ASEOUL 2017). This article finds that there are a lot of challenges and obstacles have been faced by the Muslims there to practise Islam and fulfill their responsibilities in a Non-Islamic country. However, Korea offers choices and freedom for their citizens to practise their own religion and they are also being allowed to deliver and promote their religion to others freely without any restriction. Moreover, good interaction involving Muslim and Non-Muslim have been proved through the academic visit to the temple and Korean traditional and historical places in Seoul and it showed that they are willing to know and understand each other more closely and openly in sharing opinions and views.*

*Keywords: Interaction, Muslim, Non Muslim, GMIK, IKMI*

## 1. Pendahuluan

Abad ke 21 ini memperlihatkan tuntutan keharmonian agama yang diutarakan dalam tuntutan interaksi antara agama sama ada dalam agenda dialog agama, toleransi agama atau hak asasi agama. Tuntutan ini diperjuangkan dari kalangan penganut agama-agama bagi mencari panduan keharmonian dan persefahaman untuk hidup bersama dalam realiti kepelbagaian. Tuntutan pelaksanaan interaksi antara agama diusahakan di setiap negara. Dalam era globalisasi , interaksi berlaku dengan lebih luas dan tanpa batasan sehingga seumpama menjadikan seluruh dunia di hadapan mata seseorang individu. Maka ini menyebabkan interaksi dilihat sebagai perkara yang mesti berlaku dalam fitrah kemanusiaan sama ada secara lisan dan langsung atau di alam maya.

### **Latar Belakang Program Assalamualaikum Seoul! An Inter Ideology Journey 2017 (Aseoul).**

Program Assalamualaikum Seoul! An Inter-Ideology Journey 2017 (ASEOUL) merupakan projek anjuran Kelab Usuluddin & Falsafah (KUFAH), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Program ini merupakan program mobiliti tanpa kredit dan bersifat keintelektualan yang bertujuan untuk menyemarakkan pengamatan ilmu secara kritis bagi ahli KUFAH. Justeru, untuk tahun 2017, dengan pendekatan yang tersendiri, program ini dilangsungkan dengan matlamat utamanya iaitu untuk mengadaptasi pemahaman agama dan falsafah melalui aktiviti-aktiviti ilmiah dengan meneroka kehidupan Muslim sebagai agama minoriti di Korea disamping mempelajari adat serta budaya masyarakat Korea.



GAMBAR 1: Peserta Kelab Usuluddin dan Falsafah yang mengikuti Program Assalamualaikum Seoul! An Inter-Ideology Journey 2017 (ASEOUL)

Melalui program ini, KUFAH memfokuskan kepada tiga objektif utama dalam menghayati dan mengenali kehidupan dan interaksi yang berlaku antara Muslim dan bukan Muslim di Korea iaitu melihat kemudahan dalam pelaksanaan ibadah dan tanggungjawab sebagai Muslim, melihat pengurusan makanan halal dan melihat pendekatan dan cabaran interaksi antara Muslim dan bukan Muslim di Korea. Artikel ini memberi penekanan objektif yang ketiga iaitu memahami dan melihat interaksi yang berlaku antara Muslim dan bukan Muslim dalam memahami dan berhadapan dengan perbezaan agama serta budaya di Korea.

Secara umumnya KUFAH memahami dan meneliti interaksi antara agama yang berlaku dikalangan Muslim dan bukan Muslim di Korea berdasarkan beberapa sudut pandang iaitu dalam konteks pekerja Muslim (IKMI), pelajar Muslim (GMIK) serta turut mengambil kira juga pendapat dan pandangan masyarakat bukan Muslim terhadap Islam melalui kunjungan ilmiah ke Kuil Bonguensa. Maka, ketiga-tiga komponen ini dapat membantu KUFAH melengkapkan lagi kefahaman dan dapatkan mereka berkaitan interaksi ini secara lebih menyeluruh daripada semua pihak. Dapat dilihat disini, wujudnya dialog dan interaksi antara Muslim dan bukan Muslim di Korea dalam pelbagai cara dan bentuk. Persoalan yang timbul, adakah masyarakat Korea dapat menerima ideologi dan pemikiran yang dibawa oleh Islam atau wujudnya kontradiksi dan percanggahan dengan adat dan budaya asal mereka? Apakah pula bentuk-bentuk dialog dan persoalan yang menjadi perbincangan mereka dan cabarannya dalam menjawab dan menghuraikan dengan baik dalam masa yang sama mengekalkan nilai hormat-menghormati dan kasih sayang. Penjelasan kepada persoalan ini akan dihuraikan pada topik seterusnya.

## 2. Kaedah Perbincangan Fokus Group (*Focus Group Discussion*).

Bagi mencapai objektif program di atas, perisian dan aturcara program ini disusun dan dibentuk dalam kerangka rekabentuk kajian kualitatif kajian kes. Menurut Creswell, pengkajian dalam bentuk Qualitative adalah (1993:15):

“ Qualitative Research is an inquiry process of understanding based on distinct methodological tradition of inquiry that explore a social or human problem. The researcher build a complex, holistic picture, analyzes words, report detailed views of informants and conduct study in natural setting ”.

Pengumpulan data dalam program ini dilakukan dengan menggunakan dua instrumen utama iaitu instrumen focus group discussion dan temubual. Data-data ini kemudiannya dianalisis dengan pendekatan analisis perbandingan tematik.

### i. Kaedah pengumpulan data - Instrumen Focus Group Discussion.

Dalam program ini, *focus group discussion* telah dijalankan kepada dua kumpulan iaitu Pertama : Gerakan Mahasiswa Islam Korea (GMIK). Kedua : Ikatan Keluarga Muslim Indonesia (IKMI) di Korea. Perbincangan focus group ini telah dilakukan secara dua sesi berasingan iaitu Sesi Pertama adalah sesi Focus Group Discussion Kufah-GMIK yang melibatkan seramai 27 orang pelajar Kufah dan 50 orang pelajar GMIK. Manakala sesi kedua pula adalah sesi focus group discussion KUFAH dan IKMI yang melibatkan 27 mahasiswa KUFAH dan 25 wakil IKMI. Setiap sesi perbincangan melibatkan pengagihan kepada 5 kumpulan kecil atau dinamakan sebagai *Brotherhood Circle* yang diwakili oleh KUFAH dan IKMI atau GMIK.



GAMBAR 2: Brotherhood Circle bersama GMIK

Perbincangan dalam setiap *Brotherhood Circle* ini mengambil masa selama 1 jam dengan membincangkan dua perkara utama yang berkaitan dengan interaksi dengan non Muslim di Korea iaitu latar belakang agama lain , pendekatan yang digunakan dan cabaran yang dihadapi.




GAMBAR 3. Brotherhood Circle bersama IKMI.

ii. Kaedah Analisis data - Analisis Perbandingan: Tematik

Analisis perbandingan secara tematik ini dilakukan bagi mengenal pasti tema-tema tertentu di sebalik pengalaman fenomena yang di kaji. Tema-tema ini boleh dikenal pasti secara induktif atau deduktif. Dalam penulisan craswell (1993:148-1490 , tematik bermula dengan

membentuk kumpulan-kumpulan data yang didapati daripada bacaan, kajian lapangan, video mahupun temu bual. Kemudian data-data tersebut dijelaskan mengikut pengalaman pengkaji. Seterusnya, data data tersebut akan diklasifikasikan mengikut sesuatu makna tertentu sama ada secara individu atau berkumpulan. Justeru dalam kajian ini, analisis tematik ini akan dibuat mengikut dua tema utama iaitu pendekatan dan cabaran interaksi agama di Korea dalam konteks GMIK dan IKMI . Hal ini dijelaskan dalam kerangka di bawah:



RAJAH 1: Kerangka Tema Interaksi Agama Muslim dan Non MUSLIM Program ASEOUL.

#### a. Pendekatan dan Cabaran Interaksi Agama GMIK dan IKMI

Interaksi dan komunikasi dalam sesebuah masyarakat memainkan peranan penting dalam menjaga keharmonian dan aktiviti sosial sesebuah negara berjalan dengan baik dan harmoni khususnya apabila masyarakat sesebuah negara itu terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Melalui perbincangan bersama GMIK DAN IKMI serta lawatan KUFAH ke beberapa tempat persejarahan di Korea seperti ke Kuil Bonguensa di Gang-nam Gu, Seoul mendapati bahawa agama yang dominan dan terbesar di Korea adalah agama Buddha. Kuil ini merupakan antara kuil terbesar dan terkenal di Seoul serta mempunyai beberapa kuil-kuil kecil lagi di dalamnya dengan tujuan pengibadatan yang berbeza. Sepanjang di Bonguensa, KUFAH dibawa oleh pemandu kuil (*temple guide*) untuk meneroka keseluruhan tempat di dalamnya dan juga turut diterangkan mengenai hayat Siddarta Gautama iaitu pengasas agama Buddha yang mana kisah hayatnya diukir disetiap dinding-dinding kuil yang ada. Melalui kunjungan ini, KUFAH berpeluang untuk mengenali dan memahami sudut pandang penganut agama Buddha pula terhadap Islam dan Muslim serta dapat melihat dan meneliti proses interaksi antara agama yang berlaku dalam masyarakat Korea.



GAMBAR 4. Kunjungan KUFAH ke Kuil Bonguensa di Gang-nam Gu, Seoul

Setelah Agama Buddha, ia kemudian diikuti oleh agama Kristian dan selebihnya masyarakat Korea kebanyakannya tidak berpegang dengan mana-mana agama. Adapun masyarakat Muslim Korea jumlahnya terlalu sedikit. Meskipun begitu, gerakan agama Kristian di Korea lebih berpengaruh dan bergiat aktif walaupun dengan jumlah yang lebih sedikit berbanding Buddha.

Tinjauan awal dari pengalaman GMIK DAN IKMI menujukkan pelbagai usaha dialog antara agama dan ideologi yang berlaku sama ada secara formal atau tidak formal dan secara langsung atau tidak langsung dalam kehidupan sehari-hari mereka di Korea. Namun mereka juga tidak menafikan pelbagai persepsi dan tanggapan yang dihadapi sepanjang proses dialog dan interaksi yang memberi kesan kepada proses interaksi agama yang dijalankan.

i. **Pendekatan dan Cabaran Interaksi Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK) bersama non Muslim.**

Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK) diterajui oleh para pelajar Malaysia yang tinggal dan belajar di Korea sama ada di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan juga PhD. Mereka merupakan gabungan pelajar Malaysia daripada pelbagai universiti di Korea dan menjalankan pelbagai aktiviti berbentuk ilmiah dan keagamaan yang melibatkan sesama pelajar Malaysia dan juga masyarakat Korea sendiri. GMIK merupakan satu organisasi yang ditubuhkan berkesinambungan daripada program '*Islam Saranghaeyo*' (IS) dibawah kelolaan mahasiswa Malaysia di Korea sejak tahun 2013. Kemudian, mereka menjenamakan semula organisasi tersebut kepada nama baru sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini iaitu GMIK. Tambahan lagi, kesemua ahli GMIK ini bukanlah berlatar belakangkan Pengajian Islam tetapi kebanyakan mereka daripada jurusan Sains dan Teknologi serta Kejuruteraan.



GAMBAR 5: Kerjasama Mahasiswa Kelab Usuluddin dan Falsafah (KUFAH) dan Mahasiswa Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK)

Melalui perbincangan kumpulan yang dilakukan , pendekatan interaksi agama antara GMIK dan non Muslim di Korea dilihat berlangsung dalam dua bentuk interaksi iaitu interaksi akademik di Universiti dan interaksi sosial bersama masyarakat.

### Pertama: Pendekatan Interaksi Akademik

Pendekatan Interaksi Akademik di universiti merupakan medium utama di kalangan ahli GMIK di atas keistimewaan status mereka sebagai mahasiswa universiti. Hal ini menjadikan ruang lingkup interaksi mereka lebih cenderung melibatkan belia dan remaja (iaitu mahasiswa) dan sebahagian kecil dari pensyarah universiti yang majoritinya terdiri daripada warganegara Korea sendiri. Dalam interaksi akademik ini, tema perbincangan mereka adalah lebih terbuka dengan melibatkan pelbagai isu termasuk isu-isu agama serta pertukaran fikiran menurut sudut pandang berbeza dari pelbagai fahaman agama, ideologi dan budaya negara. Mahasiswa GMIK yang menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar di sana rata-ratanya mempunyai komunikasi dan interaksi yang baik dengan pelajar bukan Muslim sama ada dari Korea sendiri maupun orang luar. Interaksi akademik yang dilakukan di universiti dilihat dari pelbagai cara secara seminar, forum atau dalam interaksi harian mahasiswa. Seperti yang dimaklumkan dalam focus group discussion, wakil GMIK selalunya akan dijemput dalam forum intercultural yang diadakan di peringkat univeristi bagi menjelaskan konsep dan praktikal khas berkaitan Islam seperti tudung dan isu halal.



GAMBAR 6 : Interaksi GMIK bersama masyarakat Korea di Yeouinaru Park

Interaksi Akademik diperingkat universiti berlaku antara GMIK dan pensyarah. Kebiasaananya berbentuk ilmiah dan perbincangan dalam kelas sekitar hal berkaitan Islam dan pelaksanaan syariahnya. Antara isu dan persoalan yang diketengahkan ialah berkaitan ketuhanan, keadilan hukum syariah Islam terhadap gender lelaki dan perempuan, perbandingan agama antara Islam dan Kristian, kebebasan mengamal dan mempraktikkan agama dan sebagainya.

Dalam konteks interaksi akademik, antara cabaran dalam pengalaman interaksi agama yang pernah dilalui oleh GMIK ialah ketika mana di dalam kelas mereka diajukan soalan oleh pensyarah berkaitan kebebasan memilih untuk bertudung dan diberi pilihan untuk membuka tudung di dalam kelas. GMIK juga turut menerima soalan daripada rakan sebaya bukan Muslim di Korea berkaitan kedudukan syariah agama Islam yang dianggap mengongkong dan tiada kebebasan untuk memilih jalan hidup. Kebiasaananya, GMIK menerima lontaran-lontaran soalan dan perbincangan berbentuk logik dan kritikal berkaitan Islam daripada mereka. Interaksi ini memerlukan kemahiran logik bagi menjawab hujah dan persoalan-persoalan yang diajukan agar dapat memberikan kefahaman dan maklumat yang betul berkaitan agama Islam meskipun mereka yang bertanya juga mempunyai pendirian dan ideologi mereka yang tersendiri.

Selaras dengan usaha GMIK ini, KUFAH juga turut mengambil inisiatif membuat perkongsian ilmu bersama GMIK dengan mengadakan sebuah forum bertempat di Universiti Dongyang Mirae yang bertajuk , ‘Islam: Bebas Vs Terkongkong’. Forum ini melibatkan dua ahli panel wakil daripada KUFAH dan seorang ahli panel yang mewakili GMIK. Tema utama yang menjadi perbahasan forum adalah berkaitan kedudukan syariah Islam dan hikmah perintah dan larangan yang ada di dalamnya beserta jawapan-jawapan berbentuk logik yang sesuai dijelaskan kepada masyarakat bukan Muslim Korea di Korea.

Antaranya soalan yang ditanya adalah mengapakah Islam dilihat seperti satu agama yang mengongkong disebabkan banyaknya peraturan dan larangan di dalamnya. Oleh itu, KUFAH menjelaskan bahawa Islam bukanlah agama yang mengongkong tetapi tidak juga membiarkan penganutnya bebas tanpa batasan. Analoginya seperti kereta-kereta yang berhenti disetiap simpang empat tanpa adanya lampu isyarat. Sekiranya semua pemandu mahu mengikuti kehendak dan kemauan sendiri tanpa peraturan dan panduan seperti lampu isyarat , pastinya kemalangan akan berlaku kerana nilai baik buruk ditentukan oleh manusia secara peribadi dan ianya bersifat relatif. Maka, setiap perintah dan larangan dicipta bukanlah

untuk kesenangan atau kesusahan seseorang tetapi adalah untuk kebaikan maslahah umum manusia sejagat. Hasil kesimpulan yang dibuat daripada forum tersebut, Islam itu adalah bebas dan terpandu dengan batasan-batasan rasional yang ditentukan oleh Pencipta.

## Kedua : Pendekatan Interaksi Sosial bersama Masyarakat.

Selain dari interaksi agama secara akademik yang dilaksanakan di Universiti, mahasiswa GMIK juga mengaturkan beberapa program interaksi bersama masyarakat awam Korea yang dijelaskan dalam hubungan satu hala iaitu Mahasiswa kepada Masyarakat. Sebagai seorang mahasiswa dari sesebuah universiti, status ini memberi satu kredit tambahan yang membantu memudahkan urusan mereka berkomunikasi dan berinteraksi dengan non Muslim di Korea. Hal ini kerana, rata-rata masyarakat Korea memandang tinggi kepada para pelajar universiti. Antara program tahunan utama yang dipilih adalah *street dakwah* dalam menjelaskan isu-isu yang praktikal berkaitan Islam kepada masyarakat Korea. Melalui dapatan *focus group* ini, antara isu utama yang sering disoal oleh orang non Muslim di Korea adalah berkaitan isu halal dan pemakaian tudung. Maka dua isu ini sering dijelaskan semasa *street dakwah* di jalankan. Oleh itu, GMIK menggunakan kaedah yang lebih *friendly* untuk mendekati masyarakat Korea seperti ditaman-taman awam agar komunikasi yang baik dapat dijalankan disamping menyebarkan fahaman yang betul berkaitan Halal dan isu Pemakaian tudung dalam Islam kepada mereka.

Antara contoh soalan utama yang dilontarkan dari masyarakat awam Korea berkaitan isu tudung adalah seperti “Tidak panaskah bertudung pada musim ini?”, “Adakah perempuan Islam bertudung kerana mereka tiada rambut?”, “Adakah mereka bertudung 24 jam sehari tanpa membukanya?”. Isu tudung sering ditimbulkan dan menjadi topik perbualan ketika tibanya musim panas. Soalan-solan ini sering dilontarkan terutamanya apabila dikaitkan dengan pertukaran empat Musim yang dialami di Korea. Rententan daripada rasa ingin tahu dengan persoalan-persoalan tersebut, imej bertudung juga boleh dianggap sebagai satu promosi kepada agama Islam yang menjadi topik pemula interaksi antara Muslim dan bukan Muslim Korea.

Meskipun begitu, pastinya GMIK mempunyai cabaran tersendiri ketika proses interaksi dan komunikasi berlangsung khususnya apabila berhadapan dengan warga masyarakat yang lebih tua dan berfikiran konservatif. Lebih-lebih lagi, bagi pelajar perempuan GMIK yang membawa imej bertudung yang berlainan dengan kebiasaan dan adat masyarakat Korea. Cabaran imej bertudung menjadikan interaksi pelajar perempuan GMIK diajukan pelbagai persoalan dan menimbulkan rasa ingin tahu masyarakat Korea berkaitan pemakaian tudung dan imej Islam yang dibawa. Malah ada mahasiswa GMIK turut melaporkan bahawa terdapat juga segelintir ahli GMIK juga yang pernah mengalami pengalaman ditarik tudung oleh golongan *Ahjumma* (Makcik) secara mengejut kerana mereka menganggap menutup kepala itu sebagai satu perkara yang merimaskan dan pelik untuk diamalkan di Korea. Tetapi, pengalaman interaksi sebegini sangatlah terpencil dan tidak mewakili keseluruhan masyarakat Korea.

Selain itu, cabaran lain yang turut dihadapai adalah cabaran Bahasa. Dapatkan perbincangan ini mendapati bahawa mahasiswa GMIK mengakui cabaran bahasa pertuturan menjadi perkara utama yang perlu diselesaikan khasnya dalam membina interaksi bersama masyarakat awam. Di universiti, rata-rata masyarakat non muslim boleh memahami Bahasa Inggeris, namun sebaliknya berlaku dalam kalangan masyarakat awam Korea. Justeru, bagi menghadapi hal ini, semua pelajar GMIK turut dianjurkan mempelajari Bahasa Korea untuk digunakan dalam pengajian mahupun interaksi bersama masyarakat.

Secara umumnya, dapat disimpulkan wujudnya interaksi dan komunikasi yang baik antara GMIK dan bukan Muslim di Korea sama ada di universiti maupun di kalangan masyarakat. Walupun tidak secara menyeluruh, namun GMIK telah pun memulakan langkah dan inisiatif untuk mewujudkan interaksi ini dengan baik dan mesra.

ii. **Pendekatan Cabaran Interaksi Agama antara Ikatan Keluarga Muslim Indonesia (IKMI) dengan Non Muslim di Korea**

Persatuan Ikatan Keluarga Muslim Indonesia (IKMI) merupakan sebuah organisasi yang diterajui oleh para pekerja Indonesia yang telah menetap lama di Korea dan ada di antara mereka yang sudah pun tinggal dan bekerja di Korea hampir 10 tahun dan berkeluarga disana. IKMI berperanan sebagai satu organisasi yang menjaga maslahah dan kebajikan rakyat Indonesia di Korea di samping mengadakan kelas-kelas agama dan perkongsian ilmu secara konsisten dan berpusat di Masjid al-Falah Yongdengpo, Seoul. Masjid ini juga adalah hasil daripada kesungguhan usaha mereka mengumpul dana dan bekerja sehingga akhirnya mereka mampu menyewa sebuah bangunan di Yongdengpo untuk dijadikan sebagai pusat ibadah dan menuntut ilmu di Seoul, Korea. Walaupun mereka tinggal di tempat yang berbeza jaraknya dari Yongdengpo, warga IKMI memberikan komitmen dan kesungguhan yang baik dalam menghadiri kuliah dan kelas-kelas agama serta perjumpaan yang dianjurkan IKMI pada setiap minggu.



GAMBAR 7: Gambar Kerjasama Mahasiswa Kelab Usuluddin dan Falsafah (KUFAH) dan Ikatan Keluarga Muslim Indonesia (IKMI).

### Interaksi Kehidupan

Dalam konteks dan pengalaman IKMI, pendekatan yang dilaksanakan adalah lebih bersifat sosial. Ini kerana pendedahan kepada masyarakat non Muslim di Korea berlaku dalam persekitaran alam pekerjaan dan urusan kehidupan sehari-hari seperti membeli belah dan jiran tetangga. Melalui focus group discussion yang dijalankan, warga IKMI menjelaskan bahawa pendekatan yang digunakan dalam interaksi bersama non Muslim di Korea adalah melalui interaksi kehidupan. Perbincangan dalam interaksi kehidupan ini tidak terlalu bersifat

keagamaan, ia lebih melibatkan perbualan harian kesihatan, kewangan, akhlak dan tatacara disiplin Namun masih menyentuh isu-isu dan pelaksanaan amalan Islam khasnya dalam dua isu utama iaitu isu Halal dan Tudung. Satu kelebihan untuk ahli IKMI, adalah mereka lebih memahami bahasa perbualan awam, tingkahlaku dan adat masyarakat awam Korea akibat dari persekitaran tempat kerja dan jiran tetangga. Maka interaksi kehidupan mereka berjalan dengan lebih lancar khasnya dalam menjelaskan isu-isu akhlak dan adat budaya Islam. Tiada pengajuran program akademik antara Muslim IKMI kepada Non Muslim namun interaksi secara tidak langsung berlaku dalam bentuk pertukaran makanan dan ucapan selamat ketika perayaan.

Dalam konteks cabaran, antara isu besar yang dilalui oleh warga IKMI dengan non muslim di Korea adalah berkaitan isu pemakaian tudung di tempat kerja ketika di peringkat awal pekerjaan. Hasil dapatan perkongsian daripada IKMI , adanya cabaran bagi pekerja wanita Muslim Indonesia untuk bertudung di tempat kerja dan berlakunya masalah komunikasi untuk berbahasa Korea di peringkat awal alam pekerjaan yang menyebabkan agak sukar untuk mereka menerangkan dengan baik alasan dan rasional bertudung bagi wanita Muslim. Oleh itu, pekerja wanita tersebut mengambil inisiatif untuk menghadiri kelas Bahasa Korea percuma yang diadakan setiap minggu di gereja. Setelah beliau berjaya menguasai bahasa Korea dan mampu menerangkan dengan baik kepada majikan, akhirnya dibenarkan untuk memakai tudung tanpa halangan.

### **3. Analisis Dan Perbincangan**

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa interaksi yang baik dan berkesan mampu memberi kefahaman kepada masyarakat Korea bukan Muslim untuk memahami sedikit sebanyak mengenai Islam. Kebanyakan mereka tidak menolak Islam secara total, tetapi Islam masih lagi kurang dikenali secara meluas di Seoul, Korea menyebabkan terdapat masyarakat yang langsung tidak mengenali Islam sebagai agama atau ada yang mengenali dan mengetahuinya sedikit tetapi mempunyai salah faham terhadap Islam disebabkan kurangnya interaksi dengan orang Muslim itu sendiri. Tambahan lagi, hasil dapatan temubual bersama Imam Masjid Itaewon, Sheikh Abdul Rahman Lee Juhwa memberitahu bahawa jumlah Muslim paling ramai tinggal di Korea adalah daripada migrasi orang Indonesia sekitar 40 000 orang berbanding negara lain dan rakyat Malaysia pula hanya berjumlah sekitar 500 hingga 600 orang sahaja termasuk yang belajar dan bekerja. Hal ini menunjukkan, warga Indonesia turut menjadi penyumbang yang besar kepada penyebaran Islam di Korea dan tidak dinafikan adanya kekangan bahasa diperengkat awal untuk berkomunikasi dengan masyarakat Korea. Namun hal tersebut dapat di atasi setelah lama menetap disana dan berinteraksi dengan masyarakat di sana sedikit demi sedikit.

Interaksi antara GMIK dan IKMI dengan masyarakat Korea disana, telah membuka sedikit ruang untuk mereka mengenali dan memahami Islam dengan lebih baik. Hasil dapatan perkongsian GMIK dan IKMI menunjukkan proses interaksi yang berbeza mengikut keadaan dan tuntutan hidup berikutnya status yang berbeza sebagai pelajar dan pekerja.

Secara umumnya dapat dilihat perbezaan bentuk dan pendekatan interaksi antara GMIK dan IKMI . Perbezaan utama adalah ialah dari sudut pendekatan dan tema interaksi yang mana GMIK lebih berkaitan teori, doktrin, perdebatan dan konsep agama manakala IKMI pula lebih kepada akhlak dan tatacara Muslim yang dilihat secara tidak langsung oleh rakan sekerja. Perbezaan juga berlaku dari sudut sasaran interaksi agama. Dalam konteks GMIK yang tinggal di Universiti dan kawan sekitar universiti, sasarnya lebih kepada belia, remaja yang berpendidikan tinggi dan para pensyarah yang berusia namun berpendidikan tinggi. Manakala

---

dalam konteks IKMI, mereka berhadapan dengan masyarakat awam, disekitar usia dewasa yang bersama-sama di alam pekerjaan yang bukan akademik. Maka tema perbincangan mereka lebih kepada isu-isu survival kehidupan seperti akhlak, ekonomi, pekerjaan, anak-anak dan keluarga. Walaubagaimanapun di sebalik perbezaan ini, kedua dua ini GMIK dan IKMI bersama-sama dalam satu tujuan iaitu meneruskan ajaran Islam dan cuba memberi faham Islam kepada masyarakat sekeliling. Mereka berusaha menjadi model Muslim yang baik dalam persekitaran non-Muslim di Korea.

#### **4. Rumusan**

Pelbagai dapatan yang diperolehi oleh KUFAH hasil daripada perkongsian dan temubual bersama Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK) dan Ikatan Keluarga Muslim Indonesia (IKMI) di Korea. Pelbagai bentuk komunikasi dan interaksi yang dijalankan serta cabaran dan persoalan-persoalan yang perlu dijawab dengan latihan dan pemantapan ilmu secara konsisten dan berterusan.

#### **Rujukan**

- Abdul Rahman, L. J. (2017). Muslim di Korea, Itaewon. Temubual, 1 April.
- Creswell, J.W. (1998). Qualitative Inquiry and Research Design Choosing Among Five Traditions London: SAGE Publication
- Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK). (2017). Survival Muslim Minoriti di Korea, Dongyang Mirae University. Temubual, 31 Mac – 2 April.
- Ikatan Keluarga Muslim Indonesia (IKMI). (2017). Cabaran Hidup Muslim Korea, Yongdengpo. Temubual, 1 April .